

## **WASILAH MESEJ MELAYU MELALUI PENYAIR ZAMAN SITC (1922-1957)**

*NAFFI MAT*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris  
napiemat@gmail.com*

*NORAZIMAH ZAKARIA*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris  
norazimah@fbk.upsi.edu.my*

### **ABSTRAK**

Dengan usaha kerajaan British dan direstui Sultan Perak pada masa itu, sebuah pusat latihan perguruan ditubuhkan di Tanjung Malim, Perak pada 29 Oktober 1922. Nama yang diberi ialah Sultan Idris Training College (SITC) dan telah dirasmikan W.G. Maxwell C.M.G. Sejumlah 120 pelajar pertama mendaftar. Pada masa yang sama perkembangan sastera moden turut berkembang di institusi ini. Rata-rata mereka menghasilkan karya dalam bentuk puisi. Pada peringkat awal perkembangan puisi moden, keadaan negara masih lagi dalam cengkaman British-Jepun-British. Fenomena ini menjadi inspirasi yang cukup berkesan kepada penyair untuk diungkapkan dalam bentuk puisi. Karya yang dihasilkan lebih bernada nasionalisme dan patriotisme. Ia juga melahirkan modal insan iaitu penyair antaranya seperti Ahmad Bakhtiar, Harun Aminurashid, Abdullah Sidek, Muhd Yassin Makmur, Ahmad Murad Nasaruddin, Ngumba, Cintati, Masuri SN. Mereka merupakan golongan penulis yang mempunyai kesedaran untuk membina modal insan dan memperkukuhkan semangat patriotik. Justeru, kajian ini dapat memperjelaskan lagi secara ilmiah tentang sumbangan penyair Melayu dalam perkembangan sastera tanah air, sekaligus meletakkan UPSI sebagai institusi yang menyambung kebitaraan peradaban sebagai universiti yang terus memperkasakan sastera Melayu.

**Kata kunci:** SITC; patriotisme; modal insan; puisi Melayu; sastera Melayu

## **POETS OF THE SITC ERA AS A MEDIUM FOR CONVEYANCE OF MALAY MESSAGE (1922-1957)**

### **ABSTRACT**

The British government with the consent of the Sultan of Perak had established a teacher training centre in Tanjung Malim, Perak on 29<sup>th</sup> October 1922. The centre which was established as Sultan Idris Training College (SITC) and officiated by W.G. Maxwell C.M.G. with its first 120 students had registered for the first time. It was believed that the development of Modern Malay literature had began during this period in tandem with the setting up of this teaching institution and the most identified literary genre that was highly written at that time was Malay poetry. During the early development of modern poetry, the nation was still being colonised by the British, Japan and again the British. The majority of the society lived in poverty, thus it was natural and became a strong inspiration and became the central issue in poetry writing. As a result, the published poetry had elements of patriotism. The issue managed to build members of the society who had to live an uncomfortable life. The life of the society and private life of teachers-to-be became the input for significant allegory to be read by the society at large. Thus, several decades of its

establishment managed to produce several significant names like Ahmad Bakhtiar, Harun Aminurashid, Abdullah Sidek, Muhd Yassin Makmur, Ahmad Murad Nasaruddin, Ngumba, Cintati and Masuri SN. These were the writers who had the believed to develop the human capital and the spirit of patriotism. This study was able to explain academically in terms of the contributions of Malay poets in the development of the national literature; thus places UPSI as an important institution which able to harness and produce great traditions for Malay literature specifically.

**Keywords:** SITC; patriotism; human capital; Malay poetry; Malay literature

## PENGENALAN

Sultan Idris Training College (SITC) merupakan pemangkin perubahan fikiran orang-orang Melayu. Pada asalnya R.O. Winstedt mencadangkan untuk memusatkan maktab-maktab. Bermula dari cetusan idea itu, Tanjung Malim menjadi pusat pendidikan guru. Sehubungan itu, perkembangan pendidikan bukan setakat untuk melatih guru, malah perkembangan kesusasteraan di institusi ini dapat dilihat dalam perkembangan sajak. Selain melatih bakal-bakal guru untuk sekolah-sekolah Melayu, institusi ini juga merupakan sebuah pusat yang melahirkan golongan penulis dalam kalangan guru Melayu (Naapie Mat, 2004: 5). Kemudian mengikut A.M. Thani (1990: 23), dalam waktu yang sama mereka memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu. Hal ini dibuktikan dengan kelahiran ramai tokoh-tokoh bahasa dan kesusasteraan Melayu seperti Ahmad Bakhtiar, Harun Aminurrashid, Abdullah Sidek, Muhd Yassin Makmur dan Ahmad Murad Nasaruddin. Mereka merupakan golongan penulis dari kalangan guru yang berperanan besar dalam mendidik semangat nasionalisme kepada masyarakat Melayu melalui penulisan mereka.

Menurut Abdul Latiff Abu Bakar (1980: 51-53), penyair-penyair kelahiran SITC banyak terpengaruh dengan idea dan perjuangan kebangsaan di Indonesia dalam karya-karya mereka. Selain itu, guru-guru dari SITC juga merupakan pelopor puisi-puisi Melayu yang mantap seterusnya maju hingga ke tahap yang dicapai pada hari ini (Rahman Shaari, 1998: 82).

Peranan dan sumbangan SITC pada dekad itu amatlah penting, iaitu bertujuan melahirkan guru-guru yang mendidik anak-anak Melayu di kampung seperti yang diharapkan Inggeris. Kedatangan Jepun ke Tanah Melayu menyekat para pelajar ini untuk meneruskan pembelajaran di sini. Sumbangan lain yang dilihat menonjolkan pelajar-pelajar SITC ini adalah dalam bidang politik dan kesusasteraan.

Lepasan SITC turut mempengaruhi gerakan kesusasteraan Melayu pada sebelum dan selepas zaman perang iaitu sebelum dan selepas kedatangan Jepun ke Tanah Melayu. Beberapa orang guru dan pelajar lepasan SITC banyak menyumbangkan jasa dalam kegiatan sastera di Tanah Melayu. Antara guru tersebut ialah Abdul Hadi Hassan, Ahmad Bakhtiar, Harun Aminurrasyid, Buyong Adil, Masuri SN, Awang Had Salleh, Za'ba dan ramai lagi tokoh-tokoh tertentu. Melalui penulisan mereka, golongan ini menyalurkan pemikiran terkehadapan dan banyak memperingatkan tentang ketinggalan dan nasib orang Melayu di tanah sendiri. Hasil penulisan mereka lebih kepada karya yang bersifat menaikkan semangat kebangsaan dalam kalangan masyarakat Melayu. Menurut Willian R. Roff (1967: 155) mereka juga menulis untuk mendorong orang Melayu supaya dapat mempertingkatkan taraf hidup.

Pada waktu ini juga, penulis-penulis muda SITC terus berkarya dan antara penulis-penulis ini ialah Masuri SN, Armuhata, Halim Anuar, dan Mas. Situasi iklim politik ini memberi kesempatan kepada penulis SITC mengutarakan tema yang lebih terbuka

sifatnya seperti puisi-puisi Melayu yang dihasilkan Masuri SN. Masuri SN merupakan penulis yang cukup produktif sejak 1940-an sehingga sekitar tahun 1950-an dan terus giat menulis puisi-puisi bertemakan nasionalisme. Kamaruzzaman Abd. Kadir (1982: 40) menjelaskan:

“...sepanjang period 1933-1941 ini terlihat golongan guru Melayu lepasan SITC telah mengambil peranan penting dalam penulisan sajak. Penulisannya dipelopori oleh Pungguk dengan sajak-sajaknya ‘Di Tengah Segara’ yang disiarkan dalam *Majalah Guru*, Jilid 10.13 Disember 1933, iaitu apabila beliau menjadi pengarang majalah tersebut.”

Justeru makalah ini akan meneliti aspek puisi yang dinukilkan penyair SITC sekitar tahun 1922 hingga 1957 sebagai wasilah kepada pembentukan modal insan. “Wasilah” dalam konteks perbincangan ini bermaksud perantara, iaitu puisi dijadikan alat perantaraan untuk membentuk modal insan dalam kalangan masyarakat. Jadi, puisi-puisi Melayu yang lahir dari SITC mengambil masalah dan pergolakan hidup masyarakat Melayu yang berada di luar bandar.

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Dalam penelitian ini, didapati belum banyak perbincangan secara komprehensif dilakukan terhadap penyair-penyair khusus keluaran SITC dari zaman 1922-1957. Menurut Rahman Shaari (1998:82), dalam sejarah puisi tanah air, guru-guru lepasan SITC adalah pelopor puisi dan di tangan mereka juga puisi-puisi Melayu mencapai tingkat yang mantap, seterusnya maju hingga ke tahap yang dapat dilihat hari ini. Menurutnya lagi, “...hakikat betapa penting sumbangan mereka tidak mungkin diketepikan oleh sesiapa pun.” Dalam perkembangan sejarah kesusasteraan Melayu, rata-rata tidak terdapat maklumat secara mendalam terhadap peranan SITC sebagai ikon yang melahirkan penulis-penulis mampan tanah air, khusus dalam membahaskan mesej Melayu. Oleh itu, makalah ini membincangkan tentang sumbangan penyair-penyair SITC dalam usaha memupuk kesedaran masyarakat terhadap sosio-politik pada masa itu yang berdepan dengan British, Jepun dan Komunis perlu dilakukan.

Sastera hadir dalam bentuk institusi dan karya. Dalam karya bukan sahaja memaparkan realiti sosial, tetapi juga memancarkan status sosial pengarang, ideologi dan pemikiran serta kritiknya terhadap masyarakat. Sebagai karya sastera, ia penuh dengan amanat dan saranan retorik. Oleh itu, manfaat sastera dan fungsinya harus dilihat dalam pengertian wilayah tersebut. Dalam hal ini, wasilah penyair SITC mempunyai tanggungjawab yang datang secara semulajadi untuk membantu masyarakat dalam konteks pembinaan modal insan. Makalah ini mempunyai dua objektif, iaitu pertama menjelaskan tema dan persoalan dalam puisi-puisi penyair dalam era SITC dalam memupuk kesedaran semangat patriotik. Kedua ialah menghuraikan wasilah yang terdapat dalam puisi untuk membina modal insan masyarakat.

### **PERBINCANGAN**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, terdapat 20 sajak yang dihasilkan dari tahun 1922 hingga 1957 berkisar dengan semangat perjuangan, masalah nasib bangsa dan ciri-ciri patriotisme yang menjadi landasan pembinaan modal insan. Ini dapat dilihat dalam Jadual 1 seperti berikut:

JADUAL 1: Bilangan Sajak yang Bertemakan Patriotisme

<b>Tema</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Terbitan</b>	<b>Jumlah</b>
Nasib Bangsa	“Idam-idaman”	<i>Idaman</i> , April 1940	1
Nasib Bangsa	“Kedudukan Melayu di Malaya”	<i>Idaman</i> , September 1941	1
Nasib Bangsa	“Apa Akal...?”	<i>Idaman</i> , Julai 1940	1
Nasib Bangsa	“Oh!.... Mawar”	<i>Bulan Melayu</i> , April 1936	1
Nasib Bangsa	“Ajakan”	<i>Warta Jenaka</i> , Februari 1937	1
Nasib Bangsa	“Pertanyaan Sukma”	<i>Warta Jenaka</i> , Februari 1937	1
Nasib Bangsa	“Bisikan Sukma”	<i>Bulan Melayu</i> , Julai 1937	1
Nasib Bangsa	“Rayuan Tanah Air”	<i>Idaman</i> , Mac 1941	1
Nasib Bangsa	“Maafkan Beta”	<i>Idaman</i> , Julai 1941	1
Nasib Bangsa	“Keluh Kesah”	<i>Majalah Guru</i> , Mac 1934	1
Semangat Perjuangan	“Darah Muda”	<i>Idaman</i> , September 1941	1
Semangat Perjuangan	“Di Tepi Pantai”	<i>Bulan Melayu</i> , Julai 1936	1
Semangat Perjuangan	“Pesan kepada Dinda”	<i>Utusan Zaman</i> , 31 Mei 1940	1
Semangat Perjuangan	“Lambaian Jiwa”	<i>Utusan Zaman</i> , 31 Mei 1940	1
Semangat Perjuangan	“Berjuanglah Wahai Penganjur”	<i>Idaman</i> , 1 Mei 1941	1
Semangat Perjuangan	“Semangat Pahlawan”	<i>Chenderamata</i> , 1952	1
Semangat Perjuangan	“Pemimpin”	<i>Chenderamata</i> , 1952	1
Semangat Perjuangan	“Perjuangan”	<i>Chenderamata</i> , 1953	1
Semangat Perjuangan	“Kita Pasti Merdeka”	<i>Chenderamata</i> , 1956	1
Semangat Perjuangan	“Kalau Berani”	<i>Bulan Melayu</i> , April 1936	1

Daripada 65 buah sajak yang dikumpul, hanya yang dapat disaring memiliki wasilah perjuangan untuk membina keyakinan patriotisme ialah sebanyak 20 buah sajak. Sajak-sajak dapat dibahagikan kepada dua sub-tema iaitu memperihal ‘nasib bangsa’ sebanyak 10 buah sajak dan ‘semangat perjuangan’ sepuluh buah sajak. Berdasarkan Jadual 1 juga, karya-karya mereka disiarkan dalam akhbar dan majalah tempatan. Antara majalah dan akhbar yang memainkan peranan ialah *Idaman*, *Bulan Melayu*, *Warta Jenaka* dan *Utusan Zaman*. Empat buah sajak diterbitkan dalam majalah *Chenderamata*. Majalah ini merupakan majalah tahunan terbitan SITC.

Antara penyumbang dalam penulisan sajak pada dekad itu dapat dilihat dalam Jadual 2 seperti berikut:

JADUAL 2: Pengarang dan Penerbitan

<b>Pengarang</b>	<b>Penerbitan</b>	<b>Bilangan</b>
Cintati	<i>Idaman</i>	4
Kasmani Haji Arif	<i>Bulan Melayu</i> <i>Warta Jenaka</i>	3 2
Ngumba	<i>Utusan Zaman</i> <i>Idaman</i>	2 3
Pungguk	<i>Majalah Guru</i>	1
Md. Sidin Hj. Abd. Majid	<i>Cenderamata</i>	1
M. Noor	<i>Cenderamata</i>	1
Kamarulzaman Yahaya	<i>Cenderamata</i>	1
Ab. Rashid bin Ngah	<i>Cenderamata</i>	1
Atma Jiwa	<i>Bulan Melayu</i>	1
Jumlah Sajak		20

Merujuk Jadual 2, didapati nama-nama seperti Cintati, Kasmani Haji Arif, Ngumba, Pungguk dan Atma Jiwa merupakan pengarang menyumbangkan karya dalam akhbar dan

majalah yang diterbitkan di tanah air pada masa itu. Justeru, nama mereka dikenali sebagai penyair kerana karya mereka dibaca secara meluas pada masa itu. Sumbangan mereka tertumpu kepada karya yang bertemakan nasib bangsa dan semangat perjuangan. Mereka juga menghasilkan karya-karya yang bertema kasih sayang, rindu, cinta, keagamaan dan kemasyarakatan. Manakala nama-nama lain menghasilkan karya untuk disiarkan dalam majalah *Chenderamata* pada peringkat awal tahun-tahun 1950-an ialah Md. Sidin Hj. Abd. Majid, M. Noor, Kamarulzaman Yahaya, Ab. Rashid Ngah dan Atma Jiwa. Namun begitu karya mereka masih dengan suasana yang menyelubungi hidup masyarakat Melayu pada dekad itu, iaitu perjuangan membebaskan negara dari belenggu penjajah.

### **Nasib Bangsa**

Kesedaran terhadap bangsa Melayu terutamanya pada beberapa dekad merupakan aspek yang penting yang ditemui melalui sajak-sajak yang dihasilkan beberapa pengarang pada masa itu. Walaupun mereka meneruskan pengajian untuk menjadi seorang guru, mereka cukup prihatin dengan nasib bangsa yang berada di setiap sudut tanah air. Mereka sedar keadaan negara yang masih berada di bawah belenggu dan pemerintahan British. Oleh itu, mereka mampu bersuara untuk memberi harapan kepada bangsanya. Kesedaran nasib terhadap bangsa Melayu dan bibit-bibit rasa cinta kepada tanah air menjadi persoalan dan mesej yang disampaikan melalui karya-karya mereka. Kesedaran ini disuarakan Cintati dalam sajaknya yang bertajuk "Idam Idaman" pada Rangkap 1, iaitu:

Apa-apa yang kita idamkan seantero bangsa kita Melayu

Kiranya benda yang diidam tak dapat. Mahukah kita merayu?

Kalau payah. Dura mahukah kita berhati sayu?

Hingga terlungkup. Lingkup diarak. Diusung oleh sang bayu?

(*Idaman*, 1 April 1940)

Cintati mengharapkan bangsanya peka dan prihatin dengan masalah yang membelenggu hidup. Pengarang mengharapkan bangsanya mempunyai semangat waja dan jangan cepat putus asa dengan suasana dan keadaan yang berlaku. Pengarang juga mahukan bangsanya bersedia menghadapi segala kepayahan dan kesukaran.

Kadang-kadang kekuatan bangsa Melayu tidak konsisten. Pengarang masih menaruh curiga dengan semangat juang bangsa Melayu untuk menentang penjajah. Pendirian yang longgar menyebabkan pengarang masih merasa bangsa Melayu pada masa itu dipermainkan dan tidak bersatu padu untuk berusaha bagi membina kekuatan nasionalisme. Kecurigaan Cintati dapat dilihat dalam sajaknya bertajuk "Kedudukan Melayu di Malaya". Ini dapat dilihat pada dua rangkap terakhir sajaknya, iaitu:

Memang! Memang!! Melayulah turus tonggak di Malaya ini,

Bertuanku Melayu, taat setia serta gagah berani,

Ditawarikh dunia tertumpang, terlukis hingga ke zaman kini,

Termasyhur diketahui ke serata dunia oleh kebaanyakan insani.

Tetapi mengapa? Ya mengapa? Gah dan masyhur itu apa..?

... Rupa-rupanya menepati kata pepatah: "indah khabar dari rupa".

Sebabnya di bandar, di kota, di gudang, di kilang, di ladang, itu siapa?

Mana Melayu? Oh Melayu! Mengapa bersembunyi? Mengapa alpa?

(*Idaman*, 1 September 1941)

Ternyata Cintati memiliki semangat jati diri yang kuat untuk membela nasib bangsanya, iaitu bangsa Melayu. Cintati menyeru bangsa Melayu supaya jangan leka dan alpa dengan kedudukan yang ada pada masa itu. Cintati tidak mahu bangsa Melayu gah dengan ketuanan yang ada tetapi nasib hidup masih berada pada tahap kemiskinan. Bangsa lain secara sewenang-wenangnya menguasai semua sektor ekonomi dan sosial baik di kota,

gudang, kilang dan juga ladang pertanian. Manakala bangsa Melayu ketinggalan jauh di belakang.

Manakala dalam sajak bertajuk “Apa Akal...?” (*Idaman*, 1 Julai 1940), Cintati tetap memberi gesaan kepada bangsanya supaya tampil dengan menggunakan akal yang bijak bagi membina hidup yang lebih selesa. Beliau menyeru supaya bangsanya bekerja keras untuk memperolehi kejayaan yang lebih selesa. Ini dapat dilihat dalam beberapa baris sajak satu rangkap ini: *Apa akal...? Supaya tak tewas?/ Buatlah perlahan-lahan hilangkan was-was/... Ubahlah tabiat, jangan jadi bayan!!*

Seseorang penyair memiliki rasa tanggungjawab sosial untuk menyeru bangsanya supaya berada pada landasan kehidupan yang sebenar. Apatah lagi berada dalam suasana negara yang dijajah bangsa asing. Maka, SITC masih memberi ruang kepada guru pelatih yang berada sebelum merdeka meluahkan rasa tanggungjawab untuk memberi rangsangan kepada bangsanya supaya bangkit dan mempunyai kesedaran yang mendalam. Di dalam sajak “Ajakan”, Kasmani Haji Arif mengajak pemuda bangsanya cepat bertindak untuk menyelesaikan segala masalah hidup. Kita dapat dilihat di dalam rangkap kelima dalam sajak tersebut iaitu:

Kata yang bererti:  
Di dunia...  
Kita bersedia  
Selagi muda...  
Kita bekerja  
Selagi gagah  
Kita berbekal  
Supaya tidak menyesal kemudian.

(*Warta Jenaka*, 1 Februari 1937)

Kemudian Kasmani Haji Arif turut terasa dengan nasib negara yang dijajah. Masalah masyarakat yang ditindas buka lagi isu yang terpencil, malah ekonomi negara turut dirampas dan dibiarkan tanpa ada halangan. Bangsanya membiarkan keadaan ini berlaku secara sewenang-wenangnya. Ini dapat dilihat pada rangkap dua, dalam sajaknya yang bertajuk “Pertanyaan Sukma”. Petikan tersebut ialah:

Bagaimana hati  
Tak sedih?  
Buah lebat  
Dalam taman  
Habis dijolok  
Orang datang.

(*Warta Jenaka*, 1 Februari, 1937)

Seruan berani Kasmani Haji Arif dikongsi bersama dengan Ngumba. Kalau Kasmani Haji Arif menggunakan simbol ‘taman’ dan ‘buah lebat’ bagi maksud harta kekayaan negara, tetapi Ngumba pula menggunakan simbol ‘emas’ dan ‘perak’ untuk memberi makna harta negara yang dibawa keluar penjajah. Menyedari hakikat ini, Ngumba menyeru supaya bangsanya sedar akan tragedi yang menimpa ekonomi negara. Keadaan ini berlaku disebabkan bangsa Melayu cepat terpedaya dengan pujuk rayu golongan penjajah. Dengan nada marah, Ngumba melontarkan rasa kekecewaannya kepada pemimpin dan bangsanya melalui sajaknya yang bertajuk “Rayuan Tanah Air.”

R.2. Aku ini bumi Malaya. Telah tergadai terjual  
Hanya dewa pembesarku memegang Tanah Melayu  
Datuk nenekku tidak terpelihara. Dan tiada terkawal  
Dagang menipu dengan pujukan yang merdu sayu.

R.4. Sampaikah hatimu wahai umat. Biarkan aku semalang ini?  
Di genggam si dagang. Bangsa lintah penghidap darah?  
Dia pelombong. Dia peniaga dan berkaum tani  
Melainkan aku. Kian hari semakin pupus dan parah!

R.5. Kalau engkau sebenarnya sayang dan cinta kepada bumiku  
Bangkitlah wahai pemuda. Harapan bangsa menuntut bela  
Sengselang lengan. Kemaskan diri. Tampil mengaku  
Watan Semenanjung. Pusaka Melayu. Sejak dari purbakala.

(*Idaman*, 1 Mac, 1941)

Ngumba secara berterus terang, dengan penuh keberanian menyeru pemuda bangsanya untuk bangkit berjuang menentang penjajah. Baginya, bangsa Melayu mesti berani kerana tanah air pada masa itu adalah pusaka nenek moyang. Beliau tidak sanggup melihat tanah airnya tergadai kepada bangsa yang datang untuk menjajah dan mengumpul segala harta kekayaan negara. Ngumba menyeru supaya orang Melayu mempertahankan maruah tanah air.

Di samping beberapa nama tersebut yang menyeru kepada bangsanya untuk bangkit berjuang, pengarang lain yang mempunyai pemikiran, hasrat dan nada perjuangan yang sama ialah Pungguk melalui sajaknya bertajuk “Maafkan Beta” (*Idaman*, 1 Julai 1941) dan “Keluh Kesah” (*Majalah Guru*, Mac 1934). Bagi Dharmawijaya (1989: 6), Umumnya, setiap sajak yang dihasilkan sepanjang zaman tersebut cara penyampaian persoalannya agak mudah difahami. Ini kerana tujuannya untuk menyampaikan amanat kepada pembaca. Pada dekad permulaan ini, didapati pembaharuan yang penting ialah menyatakan perasaan dan fikiran secara lebih tegas, berani, bebas dan lantang.

### **Semangat Perjuangan**

Suasana sebelum merdeka memberi impak yang tinggi terhadap pengarang yang berada di SITC pada masa itu. Menurut Ali Ahmad (1984: 4) tema sajak-sajak yang tersiar itu nyata membawa tema perjuangan menuntut kemerdekaan dan ia mendapat tempat yang paling utama sekali. Kedudukan ini jelas mencerminkan betapa besarnya kebangkitan semangat bangsa Melayu pada ketika itu untuk menegakkan negara merdeka. Suara-suara perjuangan menegakkan kedaulatan Melayu menjadi ucapan yang paling lantang. Ia juga kemudiannya menjelaskan tentang semangat kemerdekaan untuk tanah air dan muncul juga semangat kecintaan kepada keagungan dan ketinggian kebudayaan Melayu .

Kesedaran perjuangan terhadap negara bertolak dari hasrat dalaman untuk menanam rasa cinta akan tanah air. Perihal ini dapat dilihat pada harapan Cintati kepada bangsanya yang cukup tinggi. Cintati juga menyeru terutama golongan muda supaya bangkit dan berhati-hati menghadapi hidup yang penuh dengan pancaroba. Ini menandakan Cintati amat sayang dengan bangsanya. Dalam sajaknya “Darah Muda”, Cintati mengajak golongan muda supaya berazam dan jangan cepat putus asa. Baginya, golongan mudalah yang akan mewarisi kedaulatan tanah air. Golongan muda yang mempunyai semangat waja mampu bergerak dan mengajak masyarakatnya supaya memahami masalah dan kedudukan semasa negara yang berada di bawah belunggu penjajah. Ini dapat dilihat pada baris-baris berikut iaitu:

Syabas! Darah mudah dipusaki oleh pemuda. Begitulah kita  
Kitalah yang bertanggungjawab menjaga tanahair di serata-rata  
Kitalah yang diharap oleh bangsa bergerak, bekerja serta  
Dan kitalah pula yang diminta jadi penerang kekaburan padangan mata

(*Idaman*, 1 September 1941)

Seorang lagi pengarang keluaran SITC yang memiliki kuasa kepenyairan yang mempunyai pengaruh yang tinggi ialah Kasmani Haji Arif. Berasal dari Singapura, namun begitu beliau tidak terlepas menggunakan genre puisi untuk menyuarakan kesumat yang ada dalam batinnya. Beliau turut menyeru sebagaimana Cintati agar golongan muda jangan cepat leka dengan keadaan dan suasana yang menyelubungi kehidupan. Gamitan kesedaran bangsa ini disampaikan dalam sajaknya yang bertajuk “Di Tepi Pantai”. Walaupun disampaikan dengan unsur melankolik, tetapi Kasmani Haji Arif menyelit dengan penggunaan bahasa yang kemas untuk menyeru bangsanya supaya berwaspada, jangan cepat mengalah dan melarikan diri dari masalah. Golongan muda harus mempunyai semangat juang yang tinggi. Ini dapat dilihat dalam baris-baris berikut iaitu:

Ranjau menanti dengan senyuman  
Pura-pura berlindung menyembunyikan diri  
Sangat mengena penuh berkuman  
Sebab kurang ikhtiar sendiri  
Tatkala hati menjadi duka  
Segala-galanya haram tak sedap  
Selalu juga bersalah sangka  
Bunga melur dikatakan dedap

*(Bulan Melayu, Julai 1936)*

Ngumba melalui sajaknya “Lambaian Jiwa” cuba mengajak golongan remaja untuk memahami perasaan dan jiwanya. Ngumba mengajak remaja untuk bekerjasama bagi menyahut cabaran bagi membebaskan negara dari belenggu penjajah. Hasrat yang sedikit dan kecil ini dapat dilihat dalam beberapa baris sajak berikut. Antaranya ialah:

Oh pemuda! Wahai pemuda!!  
Mari kita berikat jiwa  
Mari bersama mengasah budi  
Agar bangsa tidak kecewa!

....  
Itulah lambaian dari jiwaku  
Menyeru umat bekerjasama!

*(Utusan Zaman, 31 Mei 1940)*

Ternyata Ngumba mahukan kerjasama dari seluruh rakyat bagi merealisasikan perjuangan yang kental. Walaupun nada suaranya mendayu dan disampaikan secara melankolik tetapi hasratnya cukup kuat. Nada patriotisme yang sudah tertanam dalam jiwanya disuarakan dengan penuh berhemah. Suara Ngumba bercampur aduk antara kelembutan dan kekerasan. Namun hasratnya hanyalah berada pada satu landasan, iaitu mengajak masyarakat untuk berjuang menentang penjajah. Hakikat dan hasrat hatinya dapat dilihat dalam sajak “Berjuanglah Wahai Penganjur.”

Janganlah gentar, kepada ugutan dan bahaya angkara  
Pahit dan sukar, memanglah tanggunganmu perwira  
Lajaklah terus, bahtera perjuangan, ke hadapan mara  
Budi, jasa dan korbanmu Illahi nan kira!!  
Selamat!! Berjuang, wahai pahlawan bangsa!  
Berjuang!! Menebus keselamatan kaum dan nusa  
Hiduplah!!! Perjuangan!!

*(Idaman, 1 Mei 1941)*

Melalui sajak tersebut, ternyata suara Ngumba amat keras. Beliau menyeru terutamanya perajurit untuk terus berjuang. Baginya perjuangan demi keselamatan kaum dan



nusa. Budi, jasa dan perjuangan akan dikenang rakyat. Malah perjuangan yang suci akan dilindungi Tuhan Yang Maha Esa.

Semangat perjuangan yang diluahkan Ngumba turut disuarakan Md. Sidin Hj. Abd. Majid melalui sajaknya yang bertajuk “Semangat Pahlawan”. Sajak yang disiarkan dalam majalah *Chenderamata* ini turut menyeru semangat perjuangan yang murni yang dimiliki pejuang-pejuang bangsa. Ini dapat ditafsir melalui rangkap kedua dan ketiga sajak tersebut iaitu:

Semangat berkubar di-dalam dada,  
Dengan hati tabah dan jujur,  
Sanggup berjuang berkorban diri,  
Menentang segala anchaman penggoda,  
Menunaikan seruan ibu pertiwi.

Mara kehadapan berpantang undor,  
Walau melayang jiwa di-badan  
Hati chekal cukup bermaya.  
Menunaikan kewajiban berhati jujur,  
Begitulah ketabahan pahlawan handalan,  
Hiduplah pahlawan Melyu Raya.

(*Chenderamata*, 1952)

Dengan susunan ungkapan yang kemas, Md. Sidin Hj. Abd. Majid, yang berasal dari Selangor menyeru kepada perajurit tanah air agar ‘berpantang undur sebelum ajal’. Perjuangan perlu disertai dengan hati yang jujur dan cekal walaupun nyawa terpisah dari badan.

Pemimpin yang baik ialah pemimpin yang mampu memberi gesaan dan teladan serta mempunyai semangat patriotik sebagai sahutan perjuangan kepada masyarakat. Pahlawan-pahlawan Melayu yang sanggup berjuang ke titisan darah terakhir semasa pemerintahan British menjadi teladan dan contoh terbaik. M. Noor, guru pelatih yang berasal dari Kedah, melihat pemimpin sebagai pencetus semangat perjuangan kepada masyarakat setempat. Dalam sajaknya yang bertajuk “Pemimpin”, M. Noor melihat pemimpin yang meneruskan perjuangan mestilah seorang yang berwibawa dan mempunyai semangat juang yang tinggi, bukan dari segi fizikal tetapi dari spiritual dan cara berfikir. Ini jelas dalam rangkap terakhir sajak tersebut iaitu:

Akhir-nya dengan usaha pemimpin,  
Membangun yang jatuh, menegak yang chondong,  
Telah menimbulkan kesan2 yang nyata,  
Fikiran yang gelap jadi terang,  
Otak yang tumpul jadi tajam,  
Kaki yang berat rasa ringan,  
Sa-balek-nya diri sanggup kembali  
Jadi pemimpin,  
Dengan berpedoman ajaran yang di-terima  
Daripada pemimpin yang ada sebenar2-nya.

(*Chenderamata*, 1952)

Semangat perjuangan yang disalurkan melalui media kreatif tidak menghalang guru pelatih yang berada di SITC pada waktu. Semangat mereka tetap membara supaya kemerdekaan negara menjadi suatu realiti. Melalui majalah *Chenderamata* yang diterbitkan secara dalaman hasil daripada penulisan guru pelatih mengemukakan persoalan semasa dengan suasana untuk membebaskan negara dari belenggu penjajah. Semangat perjuangan ini

disampaikan Kamarulzaman Yahaya melalui sajaknya “Perjuangan” dan Ab. Rashid Ngah melalui sajaknya “Kita Pasti Merdeka”.

Kamarulzaman Yahaya secara berterus terang mengajak pembaca untuk meneruskan perjuangan walaupun sampai ke titisan darah terakhir. Maruah bangsa dan kebahagiaan hidup merupakan sasaran pengarang supaya masyarakat bangkit dengan penuh keberanian. Gesaan ini dapat dilihat pada dua rangkap terakhir sajaknya iaitu:

Hantu, shaitan, gara2, palsu  
Mara, jangan nanti dan sangsi  
Darah korban lembaga luhur  
Pertiwi, meraong rintehan  
Meminta....  
Ya!...

Darah suchi, merah lata di-bumi  
Mencari bayang2 derita bonda  
Suram2 bayangan bakti  
Melambai...  
Di-sana... mahaligai segala keindahan.

(*Chenderamata*, 1953)

Ab. Rashid Ngah melihat negara di ambang kemerdekaan. Melalui gaya bahasa yang lebih bertenaga, tersusun dan mempunyai nilai estetika, Abd. Rashid Ngah mengetengahkan semangat perjuangan sebagai suatu wadah untuk diingati dan dihayati pembaca. Melalui sajaknya “Kita Pasti Merdeka”, idea dan persoalan yang disampaikan memberi kesan supaya pembaca SITC khususnya bangkit untuk menyatakan semangat kemerdekaan. Ini jelas dinyatakan dalam dua rangkap terakhir sajaknya iaitu:

Sama-sama kita pekek ‘MERDEKA’ chogan perjuangan kita  
Siapa kata kita ta’ layak merdeka kita chela kita chercha  
Tenaga pembela telah pergi menuntut sa-mula pusaka kita  
Apa yang kita nanti telah nyata-merdeka mendekati kita.

Hari yang ta’ luput sinar-nya akan tiba  
Merdeka, merdeka – pasti merdeka – sa-saraf dengan kemerdekaan  
Seluruh dunia.

(*Chenderamata*, 1956)

Secara tuntas, Ab. Rashid Ngah dapat merasai suasana detik-detik memekik kemerdekaan negara. Usaha kemerdekaan ini adalah hasil daripada perjuangan para pemimpin yang bekerja keras untuk mengembalikan pusaka tanah air pada masa itu. Perjuangan untuk mencapai kemerdekaan adalah standing dengan negara-negara lain di dunia ini.

## PENUTUP

Nama SITC bukan sahaja sinonim sebagai institusi perguruan terulung negara yang berperanan melahirkan guru-guru Melayu, tetapi di institusi ini juga merupakan pusat perkembangan kesusasteraan Melayu, terutamanya dalam genre puisi. Sejak penubuhannya pada awal tahun dua puluhan, SITC menghunjam namanya sehingga lahir sajak-sajak yang menyeru kepada pembinaan semangat patriotik Melayu.

Guru-guru pelatih dari beberapa negeri di semenanjung meluahkan semangat itu untuk dihayati pembaca walaupun penyebarannya tidak meluas. Sajak yang dihasilkan bukan sahaja dicipta untuk disiarkan dalam majalah, bahkan sajak berkenaan juga dibaca dalam

kalangan penyair nasionalis Melayu tetapi juga oleh masyarakat yang mendapat bahan bacaan. Pada masa itu, para penyair Melayu memiliki kesedaran yang cukup tinggi terhadap penderitaan bangsa mereka di tanah air sendiri. Kesedaran ini terbit setelah mereka terdidik dan terdedah kepada pembangunan dan disebabkan mereka bertugas, samada sebagai guru atau wartawan. Iklim serta suasana kehidupan masyarakat yang berada di bawah belunggu penjajah menjadi intipati pemikiran untuk menggesa rakyat bangkit untuk berfikir tentang nasib, tentang ekonomi dan penderitaan yang dialami.

Sehubungan itu ternyata, sajak-sajak yang dihasilkan penyair SITC yang bermula dari tahun 1933 sehingga tahun 1956, mempunyai nilai dan semangat perjuangan untuk membebaskan negara daripada belunggu penjajah cukup tinggi. Walaupun mereka masih lagi berstatus guru pelatih dan berada dalam usia yang cukup muda, namun semangat patriotik tidak dapat dibendung. Mereka menggunakan media cetak yang ada pada masa itu untuk menyampaikan perasaan dan kesumat yang terkurung dalam diri masing-masing. Apatah lagi kapasiti guru pelatih seratus peratus terdiri daripada anak-anak Melayu secara tidak langsung membangkitkan semangat patriotik mereka. Semangat ini dizahirkan melalui genre puisi yang digarap mereka.

### RUJUKAN

- A.M. Thani. 1990. *Integrasi sosial dalam kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar. 1980. Puisi-puisi kebangsaan sebelum perang dunia kedua. *Dewan Sastera*, Ogos: 51-53.
- Ali Ahmad. 1974. *Tema sajak-sajak Melayu 1933-1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. 1974. *Pelajaran dan perguruan Melayu di Malaya zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dharmawijaya. 1987. *Tanggapan dan kaedah pengajaran puisi*. Kuala Lumpur: International Book Service.
- Dharmawijaya. 1989. *Berkenalan dengan puisi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Kamaruzzaman Abd. Kadir. 1982. *Nasionalisme dalam puisi Melayu moden 1933-1957*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. 1986. *Cermin diri: Esei-esei kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Naapie Mat. 2004. *Pemikiran penyair Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications.
- R. Roff, William, 1967. *Origin of Malay nationalism*. New Haven: Yale University Press.
- Rahman Shaari. 1998. *Kesusasteraan dalam pendidikan sastera*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- S. Takdir Alisjahbana. 1983. Kedudukan dan tugas puisi pada zaman kita. *Dewan Sastera*, Julai: 26-29.
- Sahlan Mohd Saman. 2005. *Sejarah kesusasteraan Melayu moden: Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. 1970. *Perkembangan puisi Melayu moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Biodata Penulis:**

**Naffi Mat**

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); lulusan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Malaya. Antara buku akademik yang dihasilkan ialah *Dilema Guru* (2011) dan *Fenomena Pendidikan Bahasa-Sastera Melayu* (2012) dan *Pemikiran Dharmawijaya* (2013).

**Norazimah Zakaria**

Penulis merupakan Pensyarah Kanan dalam bidang kesusasteraan Melayu di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI; lulusan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Malaya. Penerbitan terkini ialah artikel bertajuk “Peranan Pengarang Tradisi dalam Melahirkan Masyarakat Pemikir” dalam *Procedia Social and Behavioral Sciences Volume 134* (2014).